

07/03/2001

Pas wajar buka ruang jayakan pertemuan

TUMPAT, Selasa - Masyarakat Melayu dan umat Islam di negara ini menanti dengan penuh harapan untuk melihat pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu menjadi kenyataan.

Sehubungan itu, Pas wajar membuka ruang dan melihat pertemuan itu secara positif supaya hasrat murni Umno mampu membawa senario baru kepada perpaduan Melayu, sekali gus mengukuhkan perpaduan ummah.

Ahli Jawatankuasa Teknikal Umno yang terbabit di peringkat rundingan awal pertemuan itu, Datuk Dusuki Ahmad, berkata bangsa Melayu akan kerugian besar jika pertemuan yang diusahakan Umno dengan penuh keikhlasan demi kepentingan Melayu dan Islam tidak menjadi kenyataan.

Katanya, perpecahan akan terus berlaku jika ada pihak yang terus mengelak untuk membincangkan soal perpaduan.

"Pas perlu menyedari bahawa perpecahan berterusan hanya akan merugikan semua pihak selain melemahkan Islam.

"Kita yakin Pas menyedari masalah ini dan kita harap kepemimpinan parti itu membuka ruang supaya pertemuan ini menjadi kenyataan.

"Ini kerana seluruh orang Melayu dan umat Islam termasuk di peringkat akar umbi sedang menunggu dengan penuh harapan untuk melihat pertemuan Umno-Pas untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu menjadi kenyataan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di majlis korban sempena sambutan Aidiladha di Pondok Moden Tok Selehor di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peluang mengadakan pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan isu perpaduan Melayu, cuma 50-50.

Beliau berkata, walaupun keyakinannya agak rendah, Umno akan terus berusaha supaya pertemuan penting bagi bangsa Melayu dapat dilaksanakan.

Menurutnya, selain berusaha menerusi perbincangan awal beliau berdoa bagi merealisasikan pertemuan terbabit kerana perpecahan di kalangan orang Melayu kini mencapai tahap yang terlalu luas dan dalam.

Dusuki yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri, berkata Umno mengajak Pas mengadakan pertemuan itu sebagai menyahut seruan parti itu sebelum ini dan dipersetujui Presiden Pas, Fadzil Noor.

Katanya, usaha Umno mengadakan pertemuan itu bukan untuk kepentingan politik tetapi perpaduan Melayu dan perbezaan ideologi parti tidak seharusnya dijadikan penghalang.

"Pemimpin Pas sepatutnya mempunyai perasaan luhur dan mengambil kira dengan penuh kesedaran terhadap usaha Umno dalam hal ini dan sikap keterbukaan Perdana Menteri untuk berbincang.

"Justeru, jika Pas mahu melihat kebaikan untuk orang Melayu dan Islam, ketepikan soal syarat dan tuntutan. Yang penting sekarang sedia berjumpa, lain-lain kita bincang dalam pertemuan itu," katanya.

Mengenai sikap Jawatankuasa Teknikal Pas ketika mengadakan perundingan untuk menentukan pertemuan itu, beliau berkata Umno senang dengan Pas kerana didapati ada keikhlasan ditunjukkan mereka.

Katanya, pada peringkat tertentu dalam Pas mungkin sudah setuju untuk bertemu bagi membincangkan perpaduan Melayu tetapi di peringkat lain tidak menyenangkannya kerana kepentingan politik.

(END)